

TARIKH : 4 FEBRUARI 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9

GITC tingkat kemahiran, tenaga kerja

GITC tingkat kemahiran, tenaga kerja

Terlibat secara langsung pembangunan modal insan TVET negara

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kerajaan memperakukan penubuhan Badan Koordinasi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Kerajaan-Industri (GITC) yang secara langsung terlibat dalam pembangunan modal insan negara khususnya berkaitan keperluan kemahiran dan tenaga kerja.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keanggotaan GITC terdiri daripada 12 persatuan berdasarkan sektor industri yang bersetuju bersamasama berganding bahu menjayakan agenda TVET.

"Mesyuarat Majlis TVET



Ismail Sabri (diri) mempengerusikan MTVET secara telesidang di pejabatnya pada Khamis.

Negara (MTVET) kali ini telah melakar sejarah dengan memperakukan penubuhan GITC," katanya pada Khamis.

Menurutnya, mesyuarat yang disertai 13 menteri, tokoh industri termasuk dari Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia, ahli akademik dan wakil pelajar turut bersetuju dengan pelaksanaan TVET *Collaboration Hub* melibatkan 11 kementerian yang diselenggarakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

"Inisiatif ini bakal menjadi platform kolaboratif strategik kepakaran, peralatan dan teknologi antara pusat kecemerlangan dengan institusi TVET, pihak berkuasa wilayah ekonomi dan industri," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 12 hab telah dikenal pasti termasuk automatif, semikonduktor, marin, penyaman udara, aeroangkasa, robotik, rel, telekomunikasi, hospitaliti dan pelancongan serta teknologi makanan yang akan

dilaksanakan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

"Mesyuarat bersetuju secara dasar dengan cadangan penarafan tunggal TVET, namun proses libat urus bersama kementerian serta industri perlu dilaksanakan sebelum dibentangkan semula dalam mesyuarat MTVET yang akan datang," katanya.

Ismail Sabri berkata, inisiatif tersebut dijangka akan memperkukuh simbiosis ekosistem TVET dalam menghubungkan

pihak-pihak terlibat untuk merapatkan jurang di antara permintaan dan penawaran tenaga kerja.

"Usaha-usaha yang dilaksanakan MTVET amat signifikan bagi merealisasikan strategi dan inisiatif yang dirangka di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12)," katanya.

Ujarnya, Kementerian Pendidikan telah diminta membuat pendedahan awal sistem pendidikan TVET kepada pelajar Tingkatan Satu agar mereka boleh membuat pilihan bersesuaian dengan kecenderungan masing-masing.

"Sehingga kini, terdapat 1,295 penyedia TVET awam dan swasta merentasi 11 kementerian termasuk 22 institusi TVET kerajaan negeri di seluruh negara yang menyediakan pengajian peringkat sijil dan diploma," katanya.

Ismail Sabri berkata, kerajaan kini mengiktiraf Diploma Vokasional Malaysia (DVM) sebagai laluan ke rangkaian universiti teknikal awam di Malaysia.